



- 1. PENOLONG PENERBIT TINGKAT I  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
D.3-4 EB.5-6 (\$900 - \$1,785 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=4**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Penyiaran / Komunikasi Massa / *Media Production / Multimedia* / Kewartawanan / Ehwal Semasa / Seni Kreatif / *Public affairs* / Pengajian Brunei atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang yang sama adalah merupakan satu kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penolong Penerbit Tingkat II / Penolong Pengurus Pentas / Penolong Persembahan Rendah / Pelatih Berita atau dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2 / D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.
2. Bagi pengisian kekosongan jawatan di Bahagian Rancangan Radio, para pemohon adalah dimestikan lulus dalam ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
3. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Mandarin dan lain-lain bahasa adalah kelebihan.
4. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.
5. Mempunyai suara yang sesuai sebagai pengacara di radio adalah merupakan satu kelebihan.



6. Mempunyai pengalaman dalam bidang tugas yang berkaitan adalah diutamakan.
7. Hendaklah mempunyai minat mengenai drama / ugama / muzik / hal ehwal semasa / hal ehwal sukan.
8. Mempunyai daya usaha dan kreativiti yang tinggi bagi memenuhi citarasa penonton / pendengar.
9. Hendaklah sentiasa bersikap pro-aktif.
10. Berkebolehan dalam menerbitkan berbagai-bagai rancangan yang melibatkan teknik-teknik penerbitan / muzikal / majalah.
11. Berkebolehan dalam penyuntingan dengan menggunakan *Sound Forge*.
12. Boleh membuat keputusan yang bijaksana dengan segera dalam proses penerbitan rancangan.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PENERBIT TINGKAT I :**

1. Menerbitkan rancangan televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
2. Membantu para Penerbit / Penyunting Berita dalam hal ehwal di bidang penerbitan rancangan televisyen / radio / berita, hal ehwal semasa dan sukan.
3. Jika ditempatkan di Bahagian Rancangan Radio, Penolong Penerbit Tingkat I akan ditugaskan selaku penyampai rancangan dan menjalankan tugas-tugas *continuity* termasuk menerbitkan rancangan.
4. Berkerjasama dengan Penerbit / Pengarah di studio atau di lokasi luar.
5. Selaku penghubung bagi pihak Penerbit dan seterusnya menempah semua kemudahan rakaman.
6. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.